

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 7  
RUANGAN : NASIONAL

# KKM janji rawat penerima AZ alami kesan sampingan

## Kerajaan jamin bertanggungjawab terhadap imunitasi COVID-19

Oleh Noorazura Abdul Rahman  
bhnews@bh.com.my

**Baling:** Kerajaan memberi jaminan akan bertanggungjawab merawat penerima vaksin COVID-19 termasuk jenis AstraZeneca (AZ) jika terbukti mengalami kesan sampingan akibat vaksin berkenaan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata kerajaan memiliki semua data berkaitan kesan sampingan selepas imunitasi (AEFI) yang berpunca daripada vaksin COVID-19.

Selain itu katanya, kerajaan turut mempunyai kaedah untuk merawat kesan sampingan berkenaan.

"AstraZeneca sudah memanggil (tarik balik) vaksin mereka dan ini adalah (fenomena) global, apa yang kita mahu pastikan adalah kalau ada sesiapa yang ada terbukti *evidence base* yang terkait dengan vaksin AZ itu kita memang punya cara untuk pastikan mereka diberikan bantuan.

"Memang ada kaedah kita untuk bertanggungjawab untuk me-



Dr Dzulkefly menerima replika kunci projek Klinik Kesihatan daripada Badi'ezaman pada Majlis Penyerahan Bangunan Tambahan Hospital Baling, semalam. (Foto BERNAMA)

rawat mereka dan itu jaminan yang diberikan kerajaan, kita ada data-datanya dengan diistilahkan sebagai AEFI.

"Jadi, kita ada data itu kalau benar dapat buktikan, kita akan berikan (dan) pastikan susulan rawatan yang teruk, termasuk kita berikan segala bantuan... kerajaan akan bertanggungjawab," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Majlis Penyerahan Bangunan Tambahan Hospital Baling, di sini, semalam.

Yang turut hadir Ketua Pengarah Kerja Raya, Datuk Badi'ezaman Ab Khalik dan EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Kesihatan negeri, Mansor Zakaria.

Dzulkefly berkata, kerajaan turut akan bertanggungjawab terhadap penerima vaksin daripada firma farmaseutikal lain seperti Pfizer-BioNTech dan Sinovac, sekiranya turut terbukti menghadapi kesan sampingan.

Sebelum ini, firma farmaseutikal global Britain-Sweden, AstraZeneca dilaporkan menarik balik

vaksin COVID-19 keluarannya di seluruh dunia.

Susulan daripada itu, Dr Dzulkefly semalam dilaporkan berkata Kementerian Kesihatan (KKM) akan mengeluarkan kenyataan berhubung isu penarikan balik vaksin COVID-19 berkenaan dalam masa terdekat.

### Tak jelas program vaksin lain

Sementara itu, ditanya sama ada isu berkenaan akan mencetuskan kebimbangan dan keyakinan masyarakat terhadap vaksin, Dzulkefly berkata, isu berkaitan vaksin COVID-19 itu tidak akan memberi kesan terhadap program vaksin lain, termasuk Program Imunitasi Kebangsaan Malaysia (NIP).

Katanya, walaupun ada sege-lintir pihak yang sangat sensitif dengan isu vaksin, NIP yang menjadi amalan di negara ini sejak sekian lama berjaya meningkatkan imunitasi kanak-kanak serta mencegah jangkitan penyakit serius.

"Vaksin COVID-19 itu satu hal lain, kita juga ada program vaksinasi seperti HPV untuk menamatkan kanser pangkal rahim, kita juga ada NIP, ibu bapa yang punya anak berasa terbantu kerana untuk mendapatkan vaksin ini mahal.

"Tidak ada pertikaian dalam hal itu, saya yakin rakyat tahu, punya pendidikan, punya pence-rah dan punya pengetahuan dan kita akan terus memberikan pendidikan kepada rakyat," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 14  
RUANGAN : NASIONAL

## Pembangunan kakitangan kesihatan perlu seiring fasiliti disedia

**Baling:** Kementerian Kesihatan (KKM) sedang menjalankan kajian terperinci mengenai perancangan sumber manusia bagi memastikan pembangunan kakitangan kesihatan seiring dengan pembangunan fasiliti kesihatan.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata kajian itu bagi memastikan fasiliti yang dibangunkan kementerian dilengkapi tenaga doktor pakar, jururawat dan lain-lain sistem sokongan sumber manusia.

"Keperluan kita yang penting adalah untuk meningkatkan jumlah doktor pakar. Selain itu, kementerian turut melihat kepentingan menyediakan satu pasukan yang lengkap bagi memberi sokongan terbaik kepada setiap doktor pakar.

"Seorang pakar bedah misalnya, memerlukan pasukan jururawat dan lain-lain sumber manusia sokongan bagi memastikan sesebuah fasiliti dapat berfungsi dengan baik. Kita tidak mahu ada fasiliti dengan empat bilik pembedahan misalnya, tapi cuma satu atau dua daripadanya dapat dioptimumkan penggunaan," katanya ketika ditemui selepas Majlis Penyerahan Bangunan Tambahan Hospital Baling dan Klinik Kesihatan (Jenis 3) Kepala Batas, di Kedah, di sini, semalam.

Beliau mengulas mengenai keperluan lebih 28,000 doktor pakar menjelang 2030 bagi memenuhi keperluan kemudahan kesihatan di negara ini.

Mengulas lanjut, Dr Dzulkefly berkata kerajaan merancang untuk membangunkan lebih banyak fasiliti kesihatan dengan kemudahan kepakaran di hospital daerah.

Katanya, dengan adanya kemudahan kepakaran di hospital daerah, ia akan dapat mengurangkan kesesakan pesakit di hospital besar.

"Kita merasakan melangkah ke hadapan, membina fasiliti-fasiliti KKM nanti inilah kualiti yang kita mahukan.

"Sekali gus akan mengurangkan kepadatan di hospital-hospital seperti Hospital Sultanah Bahiyah, dan Hospital Kulim dan lain-lain," katanya.

Bangunan Tambahan Hospital Baling siap pada 26 Februari lalu dengan kos keseluruhan RM124.7 juta membabitkan sembilan bidang kepakaran.

Bangunan baharu ini akan mula beroperasi pada 10 Jun depan seterusnya meningkatkan kapasiti bilangan katil Hospital Baling kepada 210 katil, empat dewan bedah, lapan katil Unit Rawatan Rapi (ICU) dan lapan katil Unit Rawatan Rapi Bayi (NICU).

AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 13  
RUANGAN : NEGARA

## KKM ada data, akan sediakan rawatan jika terbukti berpunca akibat vaksin AstraZeneca

# Kerajaan jamin bertanggungjawab

**BALING** – Kerajaan memberi jaminan akan bertanggungjawab terhadap mana-mana penerima vaksin Covid-19 yang mengalami kesan sampingan termasuk keluaran AstraZeneca (AZ).

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, pihaknya akan menyediakan rawatan susulan sekiranya gejala yang dialami pesakit terbukti berpunca daripada pengambilan vaksin tersebut.

Katanya, kerajaan mempunyai data kesan sampingan susulan imunisasi (AEFI) yang berpunca daripada vaksin serta kaedah bagi merawat kesan sampingan tersebut.

"AstraZeneca sudah menarik balik vaksin mereka, ini (isu) global. Apa yang kita mahu pastikan adalah jika ada sesiapa yang terbukti terkait dengan AstraZeneca, kita ada cara untuk me-



KERATAN Kosmo! 9 Mei 2024.

mastikan mereka diberikan perlindungan dan bantuan.

"Ada kaedah untuk kerajaan bertanggungjawab memberi rawatan kepada mereka. Itu jaminan kerajaan," katanya ketika ditemui pada Majlis Penyerahan Binaan Tambahan Hospital Baling dan Klinik Kesihatan (Jenis 3) Kepala Batas di sini semalam.

Sebelum ini, akhbar melaporkan, firma farmaseutikal AstraZeneca menarik balik vaksin Covid-19 di seluruh dunia.

Tindakan itu dipercayai dilakukan berikutan pengakuan

syarikat tersebut dalam dokumen mahkamah bahawa vaksin AZ boleh menyebabkan kesan sampingan yang jarang berlaku.

Syarikat itu berdepan tuntutan saman atas dakwaan vaksin dibangunkan mereka bersama Universiti Oxford boleh menyebabkan kematian dan kecederaan serius dalam puluhan kes.

Mengulas lanjut, Dr. Dzulkefly berkata, kerajaan juga akan bertanggungjawab terhadap penerima vaksin daripada firma farmaseutikal lain seperti Pfizer-BioNTech dan Sinovac sekiranya terbukti menghadapi kesan sampingan.

Ditanya sama ada isu itu akan mencetuskan kebimbangan terhadap vaksin, beliau berkata, ia tidak memberi kesan terhadap program vaksin lain termasuk Program Imunisasi Kebangsaan Malaysia (NIP).



DR. DZULKEFLY (kiri) pada sidang akhbar di Baling semalam.

AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 9  
RUANGAN : NASIONAL

# Kerajaan sedia rawat penerima vaksin

Jika terbukti alami kesan sampingan selepas menerima vaksin Covid-19.

Oleh WAN MOHD NOOR HAFIZ  
WAN MANSOR  
BALING

**K**erajaan akan bertanggungjawab merawat penerima vaksin Covid-19 yang terbukti mengalami kesan sampingan termasuk jenis AstraZeneca.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, kerajaan juga mempunyai kaedah merawat kesan sampingan tersebut kerana mempunyai semua data berkaitan kesan sampingan selepas imunisasi (AEFI).

"AstraZeneca telah menarik vaksin mereka di peringkat global, apa yang kita mahu pastikan adalah kalau ada sesiapa yang ada kesan sampingan terkait dengan vaksin AstraZeneca itu.

"Memang ada kaedah untuk merawat mereka dan itu jaminan yang diberikan kerajaan, kita ada data-datanya dengan diistilahkan sebagai AEFI," katanya pada sidang akhbar pada Jumaat.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Penyerahan Bangunan Tambahan Hospital Baling.



Dr Dzulkefly (kiri) ketika Majlis Penyerahan Bangunan Tambahan Hospital Baling pada Jumaat.

Hadir sama, Ketua Pengarah Kerja Raya, Datuk Badioezaman Ab Khalik dan Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Kesihatan Kedah, Mansor Zakaria.

Jelas Dr Dzulkefly, kerajaan turut bertanggungjawab terhadap penerima vaksin daripada firma farmaseutikal lain seperti Pfizer-BioNTech dan Sinovac jika turut terbukti menghadapi kesan sampingan.

Tambah Dr Dzulkefly, isu berkaitan vaksin Covid-19 itu tidak akan memberi kesan terhadap program vaksin lain termasuk Program Imunisasi Kebangsaan Malaysia (NIP).

"Biarpun terdapat segelintir pihak yang sensitif dengan isu vaksin, namun NIP yang menjadi amalan di negara ini berjaya meningkatkan imunisasi kanak-kanak termasuk mencegah jangkitan penyakit serius," kata beliau.

Pada Rabu, firma farmaseutikal global Britain-Sweden, AstraZeneca dilaporkan menarik balik vaksin Covid-19 di seluruh dunia.

Menurut laporan media, syarikat berkenaan mengakui dalam dokumen mahkamah bahawa vaksin itu menyebabkan kesan sampingan seperti pembekuan darah dan kiraan platelet darah rendah.

## KKM jalankan kajian perancangan sumber manusia di fasiliti awam

**BALING** - Kementerian Kesihatan (KKM) sedang menjalankan kajian menyeluruh berhubung perancangan keperluan sumber manusia seperti doktor, pakar perubatan dan jururawat di fasiliti kesihatan kerajaan.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, kajian itu bagi memastikan sumber manusia atau jumlah petugas diperlukan dapat disediakan selari dengan fasiliti kesihatan yang dibangunkan.

"Kita mahu fasiliti dibangunkan berserta dengan sumber manusia sama ada dari sudut pakar-pakarnya atau termasuk juga keseluruhan pasukan," katanya mengulas laporan mengenai lebih 28,000 doktor pakar diperlukan menjelang 2030.

Dr Dzulkefly berkata, langkah itu juga bagi memastikan sebarang fasiliti kesihatan yang dibangunkan dapat beroperasi sepenuhnya untuk menyediakan perkhidmatan kepada orang ramai.

Mengenai bangunan tambahan Hospital Baling tersebut, beliau berkata, kemudahan itu sedikit sebanyak dapat mengurangkan kesesakan di Hospital Kulim dan Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar.

Bangunan tambahan Hospital Baling telah disiapkan pada 26 Februari lepas dengan kos keseluruhan berjumlah RM124.7 juta melibatkan sembilan bidang kepekaran. - Bernama



Dr Dzulkefly (tengah) ketika melawat bangunan tambahan Hospital Baling pada Jumaat.



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 4  
RUANGAN : DALAM NEGERI

## Kerajaan rawat penerima vaksin hadapi kesan negatif

**BALING:** Kerajaan memberi jaminan akan bertanggungjawab terhadap penerima vaksin Covid-19 yang mengalami kesan sampingan terutama vaksin AstraZeneca.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, rawatan susulan akan disediakan jika simptom dialami pesakit terbukti berkaitan dengan vaksin berkenaan.

Katanya, kerajaan mempunyai data kesan sampingan susulan imunisasi (AEFI) yang berpunca daripada vaksin dan mempunyai kaedah bagi merawat kesan sampingan itu.

"AstraZeneca sudah menarik balik vaksin mereka, ini isu global. Apa yang kita mahu pastikan adalah kalau ada sesiapa yang terbukti berdepan isu kesihatan terkait dengan AstraZeneca, kita ada cara untuk memastikan mereka diberikan bantuan.

"Ada kaedah untuk kerajaan memberi rawatan kepada mereka. Itu jaminan kerajaan dan kita akan tahu kes-kes berkaitan kerana ada data pendaftaran," katanya dalam sidang akhbar selepas Majlis Penyerahan Bangunan Tambahan Hospital Baling dan Klinik Kesihatan (Jenis 3) Kepala Batas di sini, semalam.

Sebelum ini, media melaporkan, firma farmaseutikal, AstraZeneca dilaporkan menarik balik vaksin Covid-19 di seluruh dunia.

Tindakan itu dipercayai dilakukan berikutan pengakuan

syarikat itu dalam dokumen mahkamah bahawa vaksin AZ boleh menyebabkan kesan sampingan yang jarang berlaku.

Syarikat farmaseutikal itu menghadapi tuntutan saman atas dakwaan vaksin dibangunkan mereka bersama Universiti Oxford boleh menyebabkan kematian dan kecederaan serius dalam puluhan kes.

Tambah Dr. Dzulkefly, kerajaan turut akan bertanggungjawab terhadap penerima vaksin daripada firma farmaseutikal lain seperti Pfizer-BioNTech dan Sinovac, sekiranya turut terbukti menghadapi kesan sampingan.

Beliau berkata, isu berkaitan vaksin Covid-19 tidak akan memberi kesan terhadap program vaksin lain termasuk Program Imunisasi Kebangsaan Malaysia (NIP)

"Walaupun ada segelintir pihak yang sangat sensitif dengan isu vaksin, namun NIP yang menjadi amalan di negara ini sejak sekian lama berjaya meningkatkan imunisasi kanak-kanak serta mencegah jangkitan penyakit serius.

"Vaksin Covid-19 itu satu hal lain, kita juga ada program-program vaksinasi seperti HPV untuk kanser pangkal rahim. Tidak ada pertikaian dalam hal itu, saya yakin rakyat tahu, ada pendidikan, pencerahan dan pengetahuan malah kita akan terus memberikan pendidikan kepada rakyat," katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES  
MUKA SURAT : 9  
RUANGAN : NATION/NEWS

## ADVERSE EVENTS FOLLOWING IMMUNISATION

# GOVT TO TREAT COVID JAB SIDE EFFECTS

We have mechanism to provide assistance to patients, says health minister

ADIE ZULKIFLI  
BALING  
news@nst.com.my

**T**HE government will be responsible for providing treatment to patients suffering from side effects of Covid-19 vaccines, including those produced by AstraZeneca.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said the government had the mechanism in place to provide necessary assistance for those suffering adverse effects from Covid-19 vaccines.

"We have the database of the patients. We are not talking just

about the AstraZeneca vaccine, but whatever vaccine that was administered is linked to the adverse events following immunisation (AEFI) database.

"Thus, for those evidence-based cases related to Covid-19 vaccination, we have the mechanism in place to provide them with necessary assistance.

"We will be responsible and see through their treatment. That is the assurance given by the government.

"We should know the cases and, in fact, we have their data and history," he said after attending the handing over of Baling Hospital's building expansion project from the Works Ministry here yesterday.

Present were Kedah Housing, Local Government and Health Committee chairman Major (R) Mansor Zakaria and Works Ministry director-general Badioezaman Ab Khalik.

Dr Dzulkefly was responding to

the Consumer Association of Kedah's (CAKE) call for the ministry to focus on the treatment for patients suffering from side effects of the Covid-19 vaccines.

The New Straits Times' online portal yesterday reported that CAKE president Yusrizal Yusoff had received complaints on side effects suffered by patients after taking the vaccines, such as breathing difficulties, feeling weak and skin diseases.

On Thursday, Dr Dzulkefly was reported as saying that the ministry would issue a statement on AEFI stemming from the AstraZeneca Covid-19 vaccine soon.

He had earlier said Malaysia had sought clarification from the British-Swedish pharmaceutical

company on the side effects of its Covid-19 vaccine as reported by international media recently.

This came after the firm's admission in a court document that its Covid-19 vaccine could lead to a rare blood clotting side effect.



Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad

Meanwhile, Dr Dzulkefly said the Health Ministry was carrying out a comprehensive study on human resources planning to ensure that the development of its health workers were aligned with infrastructure development.

He said it was imperative to ensure that infrastructure development, such as hospitals, were in tandem with the growth of specialist doctors and supporting staff, such as nurses.

"That is why I have instructed the ministry to carry out a comprehensive study on human resources planning as it must be superimposed with infrastructure development so that both will be aligned with each other.

"We want facility development to be in tandem with the growth of specialist doctors. And not just specialist doctors, but also the whole team.

"In the operating theatre, a surgeon needs to work in a team.

"Not just specialist surgeons, but also scrub nurses, nurses, anaesthesiologists and so on. I want to make sure that we focus on that.

"For instance, we have four operation theatres here (in Baling Hospital), so all four must be operational, not just two or three," he added.

In 2021, the Health Ministry had announced that it targeted to have 28,000 specialist doctors by 2023.

AKHBAR : THE STAR  
MUKA SURAT : 10  
RUANGAN : NATION

## Vaccine side effects care will go on, says Dr Dzul

**BALING:** Continued care will be given to individuals who have received the Covid-19 vaccine, including AstraZeneca, who may have encountered side effects, says Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

The Health Minister said the government has data on adverse events following immunisation (AEFI) caused by Covid-19 vaccines and has methods to treat side effects.

"AstraZeneca has recalled their vaccine, and this is global. What we want to ensure is that if anyone has evidence-based concerns related to the AstraZeneca vaccine, we have ways to ensure they get assistance. That is the assurance given by the government.

"We will be able to identify such cases, and we also have a registry, we have the data," he told a press conference here yesterday after the handover ceremonies of the Kepala Batas health clinic and a new building for Hospital Baling, Bernama reported.

Dzulkefly said the government will also be responsible for vaccine recipients from other pharmaceutical companies, such as Pfizer-BioNTech and Sinovac, if they encounter adverse reactions.

According to media reports, Anglo-Swedish drugmaker AstraZeneca said it had begun a worldwide withdrawal of its Covid-19 vaccine after admitting in court documents that the vaccine caused side effects such as blood clots and low blood platelet counts in some of its recipients.

In response, Dzulkefly said the Health Ministry would soon be issuing a statement on the matter.